

Bahana perkosa kekasih muda

Pemandu kren didapati bersalah dipenjar 6 tahun, dua sebatan

>>Oleh Meor Riduwan Meor Ahmad

mriduwan@hmetro.com.my

MELAKA: Seorang pemandu kren dijatuhi hukuman penjara enam tahun dan dua sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam selepas didapati bersalah merogol kekasihnya yang masih di bawah umur, tiga tahun lalu.

Hakim Elesabet Paya Wan menjatuhkan hukuman itu terhadap tertuduh, Mohamad Firdaus Ahmad, 22, selepas didapati bersalah merogol mangsa berusia 14 tahun di sebuah rumah di Kampung Mantai, Nyalas, Jasin, pada 22 Ogos 2007, kira-kira jam 2.30 pagi.

Mengikut kertas pertuduhan, Mohamad Firdaus didakwa mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan yang jika sabit kesalahan boleh dipenjar minimum lima tahun dan maksimum 20 tahun serta sebatan.

Sepanjang perbicaraan kes itu, Timbalan Pendakwa Ra-



TERTUDUH...Mohamad Firdaus diiringi anggota polis selepas dijatuhi hukuman, semalam.

ya, Mohd Asri Abd Rahman Sidik memanggil 11 saksi manakala pembelaan hanya seorang iaitu tertuduh sendiri.

Tertuduh sebelum ini dibebaskan dengan jaminan RM8,000 dengan seorang penjamin diwakili Yaackub Mat.

Menurut Yaackub, anak guamnya sebelum ini bekerja sebagai pemandu kren dan sudah insaf serta berjanji tidak mengulangi kesalahan itu pada masa depan.

Sementara itu, Mohd Asri memohon hukuman berat dan setimpal dikenakan terhadap tertuduh atas beberapa alasan iaitu keseriusan kes, kepentingan awam, kesan trauma dialami mangsa dan faktor usia mangsa.

"Tertuduh berusia 19 tahun manakala mangsa 14 tahun ketika kejadian. Sebagai lelaki dan orang dewasa sepatutnya dia melindungi, bukan mengambil kesempatan terhadap mangsa," katanya.